

VIP Langgar Peraturan di KLIA

SEPANG : Seorang orang Kenamaan (VIP) di Dewan Negara didapati telah melanggar peraturan keselamatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 14 November lalu. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, orang kenamaan itu yang juga seorang presiden parti politik, di dakwa mencerooboh ruang keselamatan dengan melalui kawasan laluan VIP tanpa menjalani prosedur pemeriksaan badan dalam kejadian jam 10.20 malam. Menurutnya, ketika mahu melalui laluan VIP itu, hanya pegawai keselamatan wanita yang sedang bertugas berada di situ dan orang kenamaan itu enggan menunggu pegawai keselamatan lelaki datang untuk melakukan pemeriksaan badan.

Katanya, orang kenamaan itu juga tidak mematuhi etika berpakaian dengan hanya berselipar ketika difahamkan menghantar anaknya melalui laluan VIP itu. "Pada hari kejadian, pegawai petugas tidak mahu mengambil tindakan ke atas orang kenamaan berkenaan kerana tidak mahu mencetuskan kekecohan, namun perkara ini telah dilaporkan kepada saya." Ini bukan soal politik, tetapi ini soal aspek keselamatan di lapangan terbang," katanya pada sidang media di KLIA disini, semalam. Pada oktober lalu, Anthony mengumumkan prosedur pemeriksaan lebih ketat termasuk pemeriksaan oleh Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen akan dilaksanakan di laluan VIP di semua lapangan terbang, bagi memastikan laluan berkenaan tidak disalahgunakan.

Sementara itu, beliau turut meminta orang kenamaan itu membuat permohonan maaf secara terbuka kerana melanggar peraturan keselamatan di KLIA. Beliau yang memandang serious isu itu juga mahu laporan lengkap dibuat pihak pengendali lapangan terbang Malaysia Airports Holdings Bhd untuk dihantar ke Jabatan Perdana Menteri kerana laluan VIP diletakkan dibawah Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa, Isnin depan. Katanya, sebarang keputusan terhadap kejadian itu diserahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"soal memakai selipar masih boleh dimaafkan, namun sikap ditunjukkan pemimpin itu seharusnya tidak dimaafkan walaupun beliau bertaraf golongan kenamaan," Katanya. – Bernama.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 14 | 18 NOVEMBER 2018